

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN NO. 207

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan spesifik bilangan “tribe” Orang Asli atau Orang Asal di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, populasi mereka serta usaha-usaha Kerajaan pusat bersama Kerajaan negeri untuk memastikan tanah adat atau tanah warisan yang mereka menduduki semenjak beratus dan beribu tahun agar tidak dieksploitasi oleh pihak-pihak pemaju, syarikat pembalakan atau pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan keuntungan daripada memelihara kehidupan dan kemampunan Orang Asli di Malaysia.

**JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY], MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kami akan menjawab bagi pihak masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja. Terdapat 18 kumpulan etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada etnik Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq, Bateq, Temiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jahut, Mahmeri, Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar. 18 etnik ini dipecahkan kepada 3 kumpulan kaum iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Berdasarkan Banci Orang Asli 2010, Jumlah masyarakat Orang asli adalah seramai 178,197 orang.

NO. SOALAN: 207

Pentadbiran undang-undang tanah di Semenanjung Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan perwartaan tanah kepada Orang Asli dilaksanakan berdasarkan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) atau Kanun Tanah Negara 1965. Selain itu, pentadbiran tanah dilaksanakan secara berasingan oleh setiap Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia berdasarkan tafsiran dan Standard Operating Procedures (SOP) masing-masing.

Antara usaha-usaha JAKOA dalam melindungi tanah masyarakat Orang Asli adalah dengan melaksanakan kerja-kerja ukur bagi permohonan perwartaan supaya kesemua penempatan perkampungan Orang Asli dapat diwartakan. Berdasarkan peruntukan tahunan yang telah diterima, JAKOA akan menjalankan kerja-kerja ukur ini dari semasa ke semasa. Setelah kerja-kerja ukur ini selesai, pihak JAKOA akan mengemukakan permohonan perwartaan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN).

Langkah-langkah ini diambil adalah bagi menentukan sempadan sekali gus dapat mengelak pertindihan tuntutan dan pencerobohan oleh pihak luar. JAKOA turut mengadakan rundingan dengan pihak luar. JAKOA turut mengadakan rundingan dengan pihak Kerajaan Negeri terhadap status permohonan dan isu-isu berbangkit di kawasan Orang Asli. Selain itu, JAKOA dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama bagi memastikan kebajikan dan isu-isu Orang Asli di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) ini ditangani secara berkesan.

Sekian, terima kasih.